

Melaka destinasi strategik pelabur Jerman

Mohamad Fazrul Abdul Majid

JERMAN - Kerajaan Melaka mempelawa pelabur dari Jerman untuk menjadikan negeri ini sebagai destinasi pilihan pelaburan mereka.

Pelawaan itu disampaikan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh ketika menyampaikan ucapan bertajuk 'Memperkasa Kelestarian Industri' di Hannover Exhibition Grounds, Hall 4, Baden Wurttemberg, Jerman, 25 April lalu.

Menurut Ab Rauf, Melaka wajar menjadi pilihan berdasarkan fakta bahawa negeri bersejarah ini terletak di lokasi strategik iaitu antara Kuala Lumpur dan Singapura, selain terletak di laluan perdagangan antarabangsa serta Pertumbuhan Segitiga subwilayah Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

"Peluang yang diberikan ini saya manfaatkan untuk



AB Rauf bergambar ketika dijemput menyampaikan ucapan bertajuk 'Memperkasa Kelestarian Industri' di Hannover Exhibition Grounds, Baden Wurttemberg, Jerman. Foto Pejabat Ketua Menteri

mempromosikan kawasan industri German Technology Park (GTP) yang akan dibina di Melaka, selain turut menagalu-alukan penyertaan sektor perindustrian dan teknologi tinggi di Jerman supaya melebarkan peluang

perniagaan mereka ke Malaysia khususnya di Melaka.

"Saya juga membangkitkan betapa Jerman merupakan rakan dagang terbesar Malaysia dalam kalangan anggota Kesatuan Eropah (EU), manakala Malaysia

pula merupakan rakan dagang terbesar Jerman dalam kalangan negara di Asia Tenggara.

"Ini berpandukan fakta di mana kini terdapat lebih 700 syarikat Jerman yang beroperasi di Malaysia,"

katanya.

Selain Ab Rauf, turut dijemput memberikan perspektif pelaburan pada pameran berkenaan ialah Konsul (Pelaburan) Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) Asrulnizam

Addrus; Pengarah Urusan Beckhoff Automation Sdn Bhd Daniel Tay; Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Powerwell International Sdn Bhd Adam Yee; bersama moderator Dr. Eva Langerbeck, iaitu Pemangku Pengarah Eksekutif Malaysian-German Chamber of Commerce and Industry (MGCC).

Program itu turut dihadiri Duta Besar Malaysia di Jerman Datin Paduka Dr. Adina Kamarudin.

Menurut Ab Rauf, Kerajaan Negeri turut komited bekerjasama rapat dengan MGCC bagi mempromosikan GTP yang bakal menjadi sebuah kawasan perindustrian berteknologi tinggi baharu untuk Negeri Melaka.

Beliau turut menjemput MGCC mengambil bahagian dalam Minggu Jerman di Melaka yang dijadualkan pada Oktober ini bersempena Tahun Melawat Melaka 2024 (TMM2024).